

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2017**

**RUJUKAN : 10273**

**SOALAN :**

PR-1353-L02849

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebabnya kesemua *Autogate* di Imigresen KLIA2 tidak boleh terpakai, khususnya pada insiden 24 September 2017. Adakah ini satu masalah berpanjangan kerana mutu perkhidmatan pembekal dan kontraktor yang lembap.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem *e-gate* (*autogate*) warganegara Malaysia sedang melalui fasa peralihan selenggara sistem oleh kontraktor baharu iaitu Datasonic Sdn. Bhd. yang diambil alih daripada kontraktor lama iaitu IRIS Technology Sdn. Bhd.. Beberapa sesi ujian dijalankan dan menyebabkan gangguan kepada operasi *autogate* pada tarikh tersebut.

Ia bukanlah masalah yang berpanjangan kerana semua kaunter *autogate* telah dinaiktaraf dan beroperasi seperti sedia kala. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Datasonic Sdn. Bhd. sedang dalam tindakan pemantauan dan penyelenggaraan dari semasa ke semasa.